



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/2/2013

Sambungan dari muka surat 7

**Bagaimana pula pandangan Tun tentang inisiatif teknologi hijau?**

**Tun M:** Yang inisiatif hijau sebenarnya kita banyak bercakap mengenai inisiatif hijau, kebanyakan orang tak sedar. Sebenarnya semua jenis kereta gagal. Yang membuat kereta elektrik dari negara-negara maju, semuanya gagal, semuanya tak boleh capai sasaran yang ditentukan. Jadi kita sedang berusaha, tapi kita juga tak capai, demikian juga dengan teknologi hibrid. Hibrid pun belum maju dan kos bateri kadang-kadang begitu tinggi sehingga satu jenama kos kereta itu empat kali ganda. Jika empat kali ganda... siapa nak beli? Sebab itu sehingga sekarang walaupun ada subsidi kerajaan, kereta masih tak laku. Yang ini kebanyakan daripada wartawan Malaysia pun tak tahu, tetapi sepatutnya buat kajian tengok apa jadi kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan kereta elektrik seumpamanya kenapa dia tak boleh jual. Kenapa harga kos bateri sangat tinggi? Satu bateri RM1,000, kalau kita pakai 24 bateri RM24,000, itu kos bateri sahaja, kadang-kadang lebih daripada itu. Jadi soalnya kalau kita nak hijau kita kena bayar, tapi siapa nak bayar, dia tengok oh itu pasal lebih baik bayar, ...ICE punyakah,

enjin "internal combustane".

**Tun pergi (lawat) LIMA (Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi) tahun ni?**

**MAHATHIR:** Kena pergi la... saya seronok tengok kapal terbang.

**Tun akan mencapai umur 88 tahun ini, dan biasanya bagi orang Cina angka 88 itu ong (bertuah). Jadi apa harapan Tun untuk tahun ini?**

**MAHATHIR:** Tak tahulah ong tak ong yang tau saya dah 88. Berapa lama lagi ada itu tak tahulah, itu yang penting. Orang tua dia pi lah. Orang muda pun kadang-kadang pergi dulu tapi orang tua dia tetap tak boleh lari.

**Tun masih aktif. Dah 10 tahun bersara tak nampak menurun.**

**MAHATHIR:** Selagi kita sihat, boleh buat kerja, duduk melengung di rumah apa nak buat.

**Pasal pilihan raya, macam mana keadaan dengan Pas?**

**MAHATHIR:** Dia boleh balik sertain dengan UMNO tapi kena diperbetulkan. Macam dia panggil tiga juta ahli UMNO ni

kafir, murtad, takkan kita nak kerja dengan orang yang panggil kita murtad. Dia kena pegang kepada ajaran Islam. Itu bukan asas ajaran Islam. Dalam Islam kamu tak boleh kafir orang dengan mudah. Dalam Islam mesti adil, adil bermakna kamu kena hukum setelah mendengar semua bukti-bukti kata orang ini kafir. Ini dengan sewenang-wenangnya (Menteri Besar Kelantan Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) kata orang UMNO semua kafir. Kita ada tiga juta orang UMNO. Bolehkah dengan begitu saja kata orang kafir. Saya ni kafir? Sekarang ni ada buku keluar (bertajuk) *Kafirkah Aku?* Ini semua politik. Ini politik nak menang pilihan raya. Supaya pengikut dia anggap saya ni kafir.

**Pengaruh (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) macam mana?**

**MAHATHIR:** Anwar cuma nak jadi Perdana Menteri. Dia tak kira apa. Dia punya jiwa pun dia jual. Asal jadi Perdana Menteri ja. Dia buat (parti) Keadilan bukan pasal keadilan, pasal nak jadi Perdana Menteri. Kalau dia Perdana Menteri adillah tu. Macam mana pun takpelah.

**Tapi kenapa dalam Pakatan mereka tidak mencapai persetujuan siapa nak jadi**

**Perdana Menteri?**

**MAHATHIR:** Dia bukan gabungan. Jangan lupa ini bukan satu gabungan. BN satu gabungan. Dia ada satu kepala. Kita duduk bersama dalam satu mesyuarat. Dia tak ada gabungan dia cuma pakat nak menang saja. Lepas tu bila nak jadi pemerintah, Pas cari belah sini, DAP belah sini, PKR dia jadi Perdana Menteri yang tu saja.

**Sokongan orang muda, Tun nampak macam mana kepada Anwar atau bagaimana?**

**MAHATHIR:** Ada orang muda yang sedar. Tapi ada juga orang muda yang terpengaruh dengan Barat umpamanya. Terlalu lama

BN memerintah kita nak ubah itu saja. Pasal mereka dilahir setelah kita dah maju. Jadi dia tak tau keadaan sebelum maju jadi dia tak hargai. Dia dapat biasiswa, dia dapat pelajaran pun kerana kita. Tapi la ni orang Melayu diajar supaya jangan berterima kasih, jangan bersyukur. Terima duit RM500 tapi jangan undi, jangan kata terima kasih. Ini budaya Melayu yang baru. Jangan kata terima kasih.

